

Peruncit perlu sesuaikan diri

(R)

KUALA LUMPUR 18 Jan. — Masyarakat peruncit, terutamanya di kota-kota besar di negara ini, perlu menyesuaikan diri dengan kehendak pengguna yang telah berubah dan mewah sekarang ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Kata beliau, adalah sesuatu yang merugikan jika mereka (peruncit) itu

masih menguruskan perniagaan yang rendah nilainya di kawasan mewah dan mahal.

“Peruncit kecil perlu membuat penyesuaian dengan cara hidup pengguna itu serta peka kepada kehendak dan keperluan pengguna yang lebih mewah itu,” katanya ketika berucap merasmikan Kompleks Pernas-Sogo dan Sogo Pernas Depart-

mental Store, di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, pertumbuhan penduduk Malaysia terutama di kota-kota besar serta dengan kemewahan baru mereka menyebabkan kedai-kedai runcit kecil tidak mampu lagi untuk memenuhi keperluan masyarakat moden.

Menurut beliau, penyesuaian yang perlu dilaku-

kan itu bukan bermakna masyarakat peruncit bersikap angkuh dan sombong tetapi bertujuan untuk meraih lebih banyak keuntungan daripada kehidupan yang mewah pengguna.

Perdana Menteri berkata, amalan berkunjung dari sebuah kedai ke sebuah kedai lain untuk mencari keperluan harian sehingga terpaksa merayau-rayau di bandar tidak lagi praktikal.

“Dengan adanya pusat-pusat membeli-belah serta gedung-gedung besar yang membekalkan hampir setiap keperluan pelanggan, sekurang-kurangnya masalah hidup moden di kota raya dapat diatasi,” tambah beliau.

Perdana Menteri menambah, peniaga-peniaga

kecil mungkin akan terjejas dengan kewujudan gedung-gedung perniagaan besar itu tetapi mereka mestilah menyesuaikan diri dengan keadaan baru itu.

Kemunculan gedung-gedung perniagaan sedemikian sebaliknya, kata Dr. Mahathir, membuka peluang perniagaan baru dan meningkatkan nilai aset terhadap harta mereka.

"Malahan sekiranya mereka sanggup berubah cara, mereka akan memperoleh manfaat lebih besar daripada perubahan

cara hidup yang datang selaras dengan pembangunan," tambah Dr. Mahathir lagi.

Jangka pendek

Beliau turut mengingatkan para peruncit tempatan agar tidak mencari keuntungan jangka pendek dengan menjual barang-barang pada harga yang mahal.

"Adalah menjadi satu kesilapan bagi peruncit-peruncit tempatan untuk mencari keuntungan jangka pendek daripada jangka panjang, dengan

menjual barang dengan harga yang mahal," katanya.

Beliau turut menyeru peruncit-peruncit tempatan agar belajar memperingkatkan kepakaran dan cara-cara perniagaan runcit supaya menjadi sama cekap dengan peruncit-peruncit asing yang menjadi pesaing mereka.

Katanya, sementara peruncit tempatan masih menerima kedatangan peruncit-peruncit asing yang terkenal mereka juga perlu belajar mem-

pertingkatkan kecekapan yang sedia ada.

"Adalah diharapkan gedung-gedung perniagaan Malaysia akan turut dapat dibuka di negara-negara asing pada masa depan," ujar beliau lagi.

Tidak terkenal

Katanya, selama ini Kuala Lumpur tidak terkenal sebagai pusat membeli-belah bagi pelancong-pelancong luar negara sebaliknya menjadikan Singapura, Hong Kong ataupun Bangkok sebagai destinasi membeli belah mereka.

"Adalah sesuatu yang malang kerana para pelancong itu telah terlepas peluang membeli-belah dengan tawaran harga yang baik kerana kebanyakan barangan yang dijual di Malaysia adalah bebas cukai," katanya.

Katanya, kos sara hidup yang rendah membolehkan kos pengendalian perniagaan (*overheads*) turut rendah bagi peruncit-peruncit membolehkan harga barangan di Malaysia lebih rendah berbanding dengan negara lain.